

EDISI

6

MAULIDUR RASUL | 1440 | 2018

1440

2018

Buletin Al-irsyad

UNIT PENDIDIKAN ISLAM & MORAL (UPIM), JABATAN PENGAJIAN AM, POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN

Penulis Artikel ...

Cabaran Dalam Perjuangan Islam
Roshadah Binti Abu Bakar

Mencontohi Dakwah Rasulullah
Azirah Binti Seman

Amalan Rasulullah SAW
Jamilah Binti Ismail

Tak Kenal Maka Tak Cinta
Zuraiha Binti Mohd Zain

Pesanan Nabi Muhammad
Hasminuddin Bin Hashim


Nama Seindah Akhlak
Ainul Farhaan Binti Harun

**Kawan: Antara Makan, Ubat
atau Penyakit**
Razak Bin Nordin



CABARAN DALAM PERJUANGAN ISLAM

Roshadah Binti Abu Bakar



Islam agama yang sangat mahal harganya dan perlu dijaga serta diperjuangkan oleh penganutnya. Rasulullah SAW berjuang menyebarkan Islam sejak dari awal diperintahkan oleh Allah SWT sehinggalah ke penghujung hidupnya. Rasulullah SAW diuji dengan kesusahan dan penderitaan dalam berdakwah walaupun baginda adalah kekasih Allah SWT. Dalam usia yang masih muda baginda telah kehilangan orang yang disayangi iaitu ibu, datuk, bapa saudara dan isteri yang tercinta. Rasulullah SAW melalui dakwah dengan penuh umpat, cerca dan keji manusia yang menolak ajaran Islam. Namun walau apa pun ujian dan dugaan yang mendatang baginda tetap lalunya dengan penuh sabar dan cekal. Penderitaan dan kesengsaraan yang dilalui Rasulullah SAW dalam berjuang tiada tolok bandingan dengan yang lain.

Jika kita lihat suasana masyarakat Islam pada hari ini sangat sedikit golongan yang ingin bersusah payah dalam memperjuangkan Islam. Islam dianggap hak individu dan bukannya hak bersama. Padahal sebaran Islam itu adalah menjadi tanggungjawab setiap umat Islam untuk bersama mempertahankannya (*amar makruf nahi mungkar*). Jalan dakwah Islam penuh onak dan duri. Ia tidak semudah yang kita impikan. Pasti akan ada susah dan sengsaranya. Pasti akan ada ruang masa, tenaga dan wang ringgit yang terpaksa dikorbankan.

Apakah erti berjuang sebenarnya? Berjuang adalah berjihad pada jalan Allah iaitu bersungguh-sungguh memperjuangkan kebenaran Islam kepada semua manusia. Sekiranya kita sudah mengetahui dan faham erti berjuang, persoalannya kenapakah kita sekarang ini tidak boleh berhenti dari berjuang? Mari kita lihat keadaan agama Islam kita sekarang. Kebanyakan umat Islam leka dan lalai dengan nikmat dunia yang sementara. Masing-masing sibuk mengejar kehendak hawa nafsu sendiri sehingga mengabaikan perintah Allah SWT.

Oleh hal yang demikian, janganlah kita berkira-kira dengan masa dan duit ringgit yang Allah SWT telah rezekikan kepada kita. Tanyalah pada diri sendiri

apakah yang telah kita buat untuk Islam? Sampai bila kita akan meletakkan diri kita tidak mampu berbuat apa-apa? Adakah kita mahu tergolong dalam golongan yang hanya mampu menjalankan tanggungjawab pada ahli keluarga saja? Apakah yang telah kita korbakan kepada masyarakat sekeliling kita? Ayuh marilah sama-sama kita mengorak langkah bersama mendukung kalimah suci **LA ILAHA ILLALLAH WA ANNA MUHAMMADAN RASULULLAH**.

Umat Islam perlu tahu bahawa dakwah Islam merupakan suatu tuntutan Allah SWT di mana setiap gerak kerja yang dilakukan mestilah selari dengan apa yang telah ditetapkan oleh Islam.

ISSN 2637-0247



Berjuang

Bagaimana kita hendak berjuang sekiranya kita tidak tahu matlamat perjuangan Islam yang sebenarnya. Sebuah hadis daripada Abu Musa al-Asy'ari bahawasanya seorang Arab Badwi telah datang kepada Rasulullah SWT lalu bertanya:

"Ya Rasulullah! Ada seseorang yang berperang dengan tujuan merebut harta rampasan, ada pula seseorang yang berperang dengan tujuan supaya disebut-sebut namanya dan ada pula seseorang yang berperang dengan tujuan untuk memperlihatkan betapa hebat perannya". Dan dalam riwayat lain "Ada seseorang yang berperang dengan tujuan menunjukkan keberaniannya dan ada pula seseorang yang berperang untuk membalas dendam keluarganya". Dan riwayat yang lain pula disebutkan "Ada seseorang yang berperang kerana mahu melepaskan kemarahannya maka yang mana di antara semua ini yang dianggap orang yang berperang fasilillah?" Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam menjawab: "Sesiapa yang berperang dengan tujuan supaya kalimah Allah (Islam) menjadi tinggi maka orang itu sahalah yang dikatakan berjihad fasilillah."

Hadis di atas menunjukkan sesiapa yang berjuang ikhlas kerana kalimah Allah SWT maka baginya adalah berjihad dalam jalan Allah SWT. Tetapi sekiranya ada yang berjuang selain daripada kalimah Allah SWT maka dia bukanlah perjuangan yang sebenar dalam Islam.

Pendakwah & kesabaran

Kekuatan yang tertanam dalam jiwa menjadikan seorang pendakwah mampu berjuang walau dalam keadaan apa sekalipun imannya tetap tidak akan goyah. Tidak ada seorang Rasul pun yang bersenang-lenang tanpa perjuangan menegakkan Islam dan jika tidak kerana perjuangan orang-orang terdahulu menyebarkan Islam, mungkin Islam tidak akan sampai ke zaman kita sekarang ini.

Rasulullah SAW pernah memberi galakan untuk kita bersabar terhadap kesusahan dan kepayahan hidup. *"Dalam kesabaran terhadap perkara yang tidak disukai itu banyak kebaikannya."* (Hadis Riwayat Imam al-Tirmizi daripada Ibn Abbas)

Hadis berikut perlu dijadikan falsafah dalam kehidupan orang Islam. Kesabaran yang tinggi akan membuahkan hasil yang penuh kebaikan dalam hidup manusia.

Dalam hadis yang lain pula Rasulullah SAW bersabda *"Sungguh mengagumkan urusan seorang mukmin. Sesungguhnya seluruh perkara adalah baik baginya. Dan tidaklah didapati seorang pun hal tersebut melainkan pada diri seorang mukmin. Jika dia merasakan kesenangan maka dia bersyukur. Dan itu lebih baik baginya. Jika kesusahan menerpanya maka dia bersabar. Dan itu lebih baik baginya."* - Hadis riwayat Imam Muslim-



"Kita kata sayang Islam, tapi apa yang kita telah lakukan sebagai tanda kita sayang Islam. Tepuk dada tanyalah iman. Mari kita muhasabah diri!!"

Ciri – ciri pejuang

1

Mengenal Allah SWT dan beriman kepada-Nya dengan sepenuh hati

2

Beribadah kepada Allah SWT dan sentiasa mengingatinya

3

Takut dan sentiasa bermuraqabah dengan Allah SWT

4

Ikhlas dan redha kepada Allah SWT

5

Mencintai dan mengasihi Rasulullah SAW

6

Mencintai dan mengasihi para sahabat Rasulullah SAW

Kikis sifat negatif

Janganlah ada dalam diri kita sifat malas, mengeluh dan mudah menyerah kalah (berputus asa). Segala usaha yang kita lakukan di jalan Allah SWT pastinya akan membuahkan hasil yang baik. Oleh hal yang demikian, Allah SWT memberi khabar gembira buat para pendakwah yang berjuang di jalan Allah SWT. Firman Allah SWT di dalam surah *Muhammad* ayat 7 yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman, kalau kamu berjasa kepada Allah nescaya Allah membalas jasa kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu.

Ayat ini menunjukkan balasan yang bakal diperolehi oleh orang yang sentiasa berjuang kerana Allah SWT dan dia bakal meraih balasan kemenangan yang terbaik di dunia dan di akhirat.

Marilah sama-sama kita berjuang agar hidup kita akan sentiasa dirahmati Allah SWT. Kita akan merasai kemanisan dalam berjuang setelah melihat Islam kembali gemilang.

Rujukan :

Dr. Abdullah Nasih Ulwan (2015) *Tarbiyatul Aulad Jilid 1* PTS Publication & Distributons Sdn. Bhd.

Fathi Yakan, *Rintangan Perjuangan Dalam Kehidupan Pendakwah*.
Abu Husain Muslim ibn Hajjaj, (1412 H) *Sohih Muslim, Jilid 1* , hadis 244
Sheikh Abdullah Basmeih, Disemak dan disahkan oleh Sahibul Fadhilah Datuk Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30 JUZ)*, Darul Fikir SDN. BHD.



MENCONTOHI DAKWAH RASULULLAH

Azirah Binti Seman

Apakah dakwah?

Seruan, ajakan atau panggilan bagi mengajak seseorang dalam melakukan sesuatu kebaikan merupakan huraian yang paling tepat bagi menerangkan maksud dakwah (Kamus Dewan, 2007). Dakwah merupakan medan untuk mempengaruhi orang lain melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran. Dakwah mestilah bebas dari paksaan, ancaman serta nilai-nilai yang boleh merosakkan akal fikiran manusia kerana ia merupakan satu usaha untuk melakukan perubahan ke arah kebaikan dan keselamatan ummah. Dakwah harus dilaksanakan sebaik mungkin agar ia tidak menjadi sesuatu yang sia-sia dan membuang masa. Oleh yang demikian, Rasulullah merupakan contoh pendakwah yang terbaik dalam menyampaikan risalah Islam.

Mengenal

Rasulullah SAW terlebih dulu mengenali sasaran dakwah baginda. Keadaan masyarakat Arab Jahiliah yang berada dalam keadaan tercela dari segi sosial, ekonomi, politik mahupun kebudayaan menyebabkan baginda mengambil pendekatan yang paling lembut dalam dakwah baginda. Rasulullah tidak pernah seekali menghina berhala yang disembah. Golongan lemah dibantu walaupun berlainan agama dan kepercayaan. Keadaan masyarakat yang terlalu lama dalam kesesatan diambil kira dalam menjalankan seruan dakwah. Tiada paksaan mahupun kekerasan digunakan oleh baginda. Hal ini selaras dengan firman Allah yang bermaksud: *"Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam); sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang salah. Kerana itu, barang siapa yang ingkar kepada taghut dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada buhul tali yang amat kuat yang tidak akan putus. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui"* (Surah Al-Baqarah: 256).

Lemah lembut

Dakwah merupakan amalan mulia yang ditempuhi oleh para nabi dan rasul. Allah meminta para utusanNya untuk menghiasi diri dengan sifat lemah lembut supaya dapat menjadi teladan kepada umat manusia. Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih baik mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalanNya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk"* (Surah An-nahl: 125). Ayat ini jelas menunjukkan dalam menjalankan kerja dakwah Rasulullah diperintah untuk menghiasi diri dengan sifat lemah lembut dan sabar. Sabar dan lemah lembut merupakan ahlak mulia yang dimiliki Rasulullah SAW. Oleh itu kita perlulah mencontohi cara dakwah yang dilaksanakan oleh baginda baik dari pertuturan, pergaulan mahupun peribadi. Jangan sampai dakwah yang mulia dikotori dengan kekerasan dan penolakan terhadap kebenaran yang ingin disampaikan.

Sabar

Dakwah adalah mengajak manusia dengan cara bijaksana kepada jalan yang benar sesuai dengan perintah Tuhan untuk keselamatan dan kebahagiaan mereka di dunia dan akhirat (Samsul Munir, 2009). Antara cara bijaksana yang perlu ada dalam diri pendakwah adalah memiliki sifat sabar. Umumnya sifat sabar merupakan kewajiban bagi setiap muslim. Ia memiliki peranan penting dan sangat ditekankan kepada pendakwah. Rasulullah SAW sentiasa bersifat sabar dalam menjalankan kerja dakwah. Hal ini kerana dengan kesabaran seorang pendakwah akan menjadi teladan kepada pengikutnya. Banyak ayat Al-Quran yang menyuruh Rasulullah bersifat sabar dalam menjalankan dakwah. Antaranya ialah firman Allah yang bermaksud: *"Dan bersabarlah (hai Muhammad) dan tiadalah kesabaranmu itu melainkan dengan pertolongan Allah dan janganlah kamu bersedih hati terhadap (kekafiran) mereka dan janganlah kamu bersempit dada terhadap apa yang mereka tipu dayakan"* (Surah Al-Nahl: 127).

Pemaaf

Firman Allah yang bermaksud: *"Maka disebabkan rahmat Allah SWT kamu berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri daripada kamu. Oleh itu, maafkanlah mereka. Mohonkanlah keampunan bagi mereka dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian, apabila kamu membulatkan tekad, maka bertawakallah kepada Allah SWT. Sesungguhnya Allah menyukai orang yang bertawakal"* (Surah Ali-Imran: 159). Rasulullah merupakan seorang yang pemaaf. Baginda sentiasa memaafkan kesalahan yang dilakukan kepada baginda. Tidak menyimpan dendam dan sentiasa berdoa supaya golongan jahiliah dikurniakan hidayah dan menerima Islam. Seperti kisah seorang wanita Yahudi yang cuba meracun Rasulullah dengan memberi makanan yang ditabur racun. Bagaimanapun Rasulullah terselamat daripada perbuatan khianat tersebut. Rasulullah kemudian mengutus sahabat untuk memanggil wanita tersebut dan dia mengakui perbuatannya untuk cuba membunuh baginda. Baginda memaafkan wanita tersebut tanpa menghukumnya. Peristiwa ini menunjukkan contoh Rasulullah sebagai seorang yang paling pemaaf dan tidak pernah membalas keburukan dengan keburukan yang berlaku pada dirinya.

Info

Contohi sifat dan pendekatan dakwah cara Nabi Muhammad SAW

Rasulullah mengenali sasaran dakwah tanpa menghina

Rasulullah lembut dalam pertuturan mahupun pergaulan

Rasulullah insan yang tidak menyimpan dendam malah penyabar



Mesyuarat

Menghargai pendapat orang lain, tidak menonjolkan kepentingan diri dan bersikap kompromi turut merupakan warna-warna kejayaan dalam dakwah Rasulullah SAW. Kemaslahatan umat merupakan agenda utama dalam perjuangan dakwah baginda. Konsep *musyawarah* atau mesyuarat sering dilaksanakan oleh baginda. Matlamat mesyuarat ialah keputusan yang diambil oleh baginda adalah keputusan terbaik dan dapat memberi kepuasan kepada semua pihak. Rasulullah sentiasa mendengar, menghormati, menerima dan meraikan pandangan orang lain dalam setiap mesyuarat yang diadakan. Contohnya, cadangan Salman Al-Farisi supaya menggali parit sebagai kubu menghadapi serangan musuh dalam perang Khandak disambut baik oleh baginda. Semasa Perang Uhud juga sekali lagi Rasulullah bermesyuarat dalam menentukan sama ada untuk bertempur di dalam atau di luar Kota Madinah. Baginda bersetuju dengan pendapat majoriti untuk bertempur di luar kota walaupun baginda cenderung untuk bertempur di dalam Kota Madinah. Piagam Madinah yang menjadi undang-undang tertua dunia juga turut terhasil dari konsep *musyawarah* kendalian baginda. Contoh-contoh ini dan lain-lainnya menunjukkan Rasulullah SAW begitu mementingkan *musyawarah*. Justeru, perjuangan baginda bersama para sahabat dirahmati Allah dan mereka berjaya mencapai tahap kecemerlangan yang tinggi (Danial, 2017).



Lemah lembut

Kamus Pelajar (2016), mendefinisikan tawakal sebagai berserah kepada Allah setelah disertai usaha. Firman Allah yang bermaksud: "...Dan bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui" (Surah Al-Anfal: 61). Rasulullah sering bertawakal dalam setiap pekerjaannya. Baginda sentiasa menggantungkannya kepada Allah SWT dan merupakan salah satu sunnahnya. Tawakal haruslah didahului dengan usaha yang maksimum. Menyerahkan diri kepada Allah baik sebelum usaha dilakukan, semasa dan selepasnya merupakan sebaik-baik tawakal. Hilangnya usaha bererti hilanglah hakikat tawakal. Sikap tawakal menjadikan seseorang percaya terhadap diri serta memiliki keteguhan jiwa dan hati dalam setiap usaha yang dilakukannya (Miswar, 2018). Oleh itu, marilah kita meningkatkan rasa tawakal kepada Allah dengan memperbanyakkan ketakwaan dalam diri. Hakikatnya, sikap tawakal bukan cenderung kepada keburukan tetapi lebih mendatangkan kebaikan kerana usaha dan doa akan menjadikan manusia sentiasa mendambakan diri kepada Illahi.

Sesungguhnya dakwah Rasulullah SAW bukanlah melalui mata pedang tetapi akhlak dan peribadi yang ada padanya. Perbuatan dan percakapan baginda sentiasa menjadi sanjungan dan ikutan. Baginda merupakan insan mulia yang tiada tolok bandingnya. Mengamalkan sunnah-sunnah baginda merupakan cara kita mengingati, menyayangi dan menghargai perjuangan baginda. Oleh itu, jadikanlah dakwah sebagai suatu aktiviti di dalam kehidupan kita agar kebaikan dan kebenaran sentiasa dapat ditegakkan.



SEJARAH ISLAM

• SALMAN AL-FARISI

Nama sebenar Mabah bin Budzkhasyan bin Mousilan bin Bahbudzan. Keluarganya adalah penganut agama Majusi. Berasal dari Isfahan, Persia dan diberi gelaran Al-Isfahani.

• PIAGAM MADINAH

Piagam Madinah telah dibuat oleh Nabi Muhammad pada tahun 622M bersamaan tahun pertama Hijrah. Ia merupakan perlembagaan bertulis pertama di dunia. Kandungan piagam ini terdiri daripada 47 fasal. 23 fasal piagam tersebut membicarakan tentang hubungan antara umat Islam sesama umat Islam iaitu antara Ansar dan Muhajirin. 24 fasal yang berbaki membicarakan tentang hubungan umat Islam dengan umat bukan Islam iaitu Yahudi.

• WANITA KAFIR & RACUN


Anas RA juga menceritakan, Bahawa ada seorang wanita Yahudi datang kepada Rasulullah SAW dengan membawa seekor kambing (bakar) yang telah diracuni. Kemudian baginda memakan sebahagian darinya. Lalu Rasulullah SAW mengutus seseorang untuk memanggil wanita (yang memberi kambing) itu dan wanita itu pun datang. Rasulullah SAW segera bertanya kepadanya tentang hal itu. Wanita itu menjawab, "Saya ingin membunuhmu." Rasulullah SAW bersabda, "Allah tidak menguasai kamu untuk atas hal itu." Para sahabat berkata, "Perlukah kita membunuh wanita ini?" "Jangan!" jawab Rasulullah SAW. Anas RA berkata, "Saya melihat bekas racun itu sentiasa berada di langit-langit mulut Rasulullah SAW" (Muttafaqun 'alaih). Maksudnya, bekas racun tersebut tetap ada hingga baginda wafat.

Rujukan

- Danial Zainal Abidin 2017. *Tip-tip cemerlang daripada al-quran*. Selangor: PTS Sdn. Berhad.
- Kamus Dewan* 2007. Ed. Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar* 2016. Ed. Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Miswar Miswar. 2018. Konsep Tawakal dalam Al-Quran. *Jurnal Ihya' Al Arabiyah* 4(1): 30 – 44.
- Samsul Munir Amin 2009. *Ilmu dakwah*. Jakarta: Amzah.
- Sheikh Abdullah Basmeih. Disemak dan disahkan oleh Sahibul Fadhillah Datuk Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim 1995. *Tafsir pimpinan ar Rahman kepada pengertian al-quran (30 juz)*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

AMALAN RASULULLAH SAW

Susunan Oleh : Jamilah Binti Ismail



1

Dahulukan kanan

Mendahulukan kaki kanan dari kaki kiri saat ketika memakai kasut

2

Wudhuk

- Baginda Nabi SAW sentiasa membiasakan diri menjaga dan memelihara wudhuk. Baginda juga mengambil wudhuk sebelum tidur.
- Berkumur-kumur dan menghirup air dengan hidung dalam satu cedokan telapak tangan ketika berwudhuk
- Berwudhuk sebelum mandi hadas besar (mandi junub)

3

Solat istikharah

Diriwayatkan dari Jabir Radhiyallahu Anhu bahawa ia berkata, "Rasulullah Shallallahu Alaihi wa Sallam mengajarkan kepada kita tata cara solat istikharah untuk segala urusan, sebagaimana beliau mengajarkan surah-surah Al-Quran kepada kami." (Hadis Riwayat Al-Bukhari)

4

Berbuka puasa

Diriwayatkan Dari Anas Bin Malik RA, ia berkata, "Rasulullah SAW berbuka puasa sebelum solat maghrib dengan beberapa kurma basah. Jika tidak ada maka dengan beberapa kurma kering. Jika tidak ada, maka beliau hanya meminum beberapa teguk air." (Hadis Riwayat Ahmad, Abu Dawud dan At-Tirmidzi)

Info

Apa itu Sunnah ?

Sunnah adalah segala sesuatu yang diriwayatkan dari Rasulullah baik perkataan, perbuatan, ataupun persetujuan serta pengakuan dari baginda.

5

Sujud syukur

Sujud syukur ketika mendapatkan nikmat atau terhindar dari bencana. Sujud ini hanya sekali dan tidak terikat oleh waktu.

6

Tidur

- Tidur dengan mengiring ke kanan
- Segera tidur selesai solat isyak (jika tidak ada keperluan untuk menahan diri daripada tidur).

7

Azan & solat

- Berlumba – lumba untuk mengumandangkan azan, bersegera menuju solat, supaya dapat menyertai saf pertama.
- Mengikuti bacaan muazzin
- Membaca 'amin' dengan suara keras saat menjadi makmum
- Mengeraskan suara saat membaca zikir setelah solat
- Membuat dan meletakkan pengadang ketika sedang menunaikan solat fardhu atau solat sunat.

8


Doa

- Membaca doa ketika memakai pakaian baharu
- Meruqyah diri dan juga keluarga.

9

Salam

Baginda nabi sering membiasakan diri dengan memberi salam kepada sesama manusia termasuklah kepada anak – anak kecil.



Rujukan

27 amalan Sunnah rasulullah yang mudah untuk dikerjakan. Dimuat turun daripada <https://jubah.id/amalan-sunnah-rasulullah/>



TAK KENAL MAKA TAK CINTA

Susunan Oleh : Zuraiha Binti Mohd Zain



refleksi

Benarkah kita sudah kenal Nabi Muhammad SAW ? Mari kita mengenali Nabi Muhammad SAW serta ahli keluarga baginda dengan lebih dekat lagi. **Nabi SAW mempunyai beberapa nama.** Setiap nama-nama ini mempunyai maksud yang menjelaskan kedudukan sebagai utusan Allah, peranan serta sifat diri baginda.

Nama & gelaran

Muhammad (yang dipuji) kerana memiliki banyak sifat yang disebabkan sifat-sifatnya itu, ia dipuji oleh orang lain.

Ahmad (yang terpuji) kerana baginda orang yang paling banyak memuji Tuhan-Nya atau baginda merupakan seorang yang paling tinggi akhlakunya berbanding manusia-manusia lain.

Al-Mahi (yang menghapuskan) iaitu dengan kedatangan Nabi SAW maka terhapuslah kekufuran di atas muka bumi ini iaitu Allah akan memenangkan agama Islam yang baginda bawa mengatasi agama lain.

Al-Hasyir (yang mengumpulkan) bermaksud di antaranya ialah akan dihimpunkan manusia dengan kedatanganku tidak akan ada lagi nabi selepasku.

Al-Aqib (yang datang kemudian) iaitu Nabi Muhammad adalah nabi dan rasul terakhir yang diutuskan Allah, tiada lagi selepas baginda nabi dan rasul.

Nasab & keturunan

Nama penuh baginda: Muhammad bin Abdullah bin Abdul Muttalib bin Hasyim bin Abdul Manaf bin Qusyayy bin Kilab..bin Adnan..bin Ismail AS bin Ibrahim.
Nasab nabi Muhammad SAW sampai sehingga kepada nabi Ibrahim AS.

Bapa baginda nabi: Abdullah bin Abdul Muttalib. Nabi Muhammad masih di dalam kandungan ibunya ketika beliau meninggal dunia.
Ibu baginda nabi: Aminah binti Wahab bin Abdul Manaf bin Zuhrah. Nabi berumur 6 tahun ketika ibunya meninggal dunia.

Datuk Nabi Muhammad: Abdul Muttalib bin Hashim. Nabi tinggal bersama datuknya selepas kematian ibu sehingga berumur 8 tahun. Setelah Abdul Muttalib pula meninggal dunia, Nabi SAW tinggal bersama bapa saudaranya Abu Talib.

Bapa – bapa saudara Nabi Muhammad (anak Abdul Muttalib) : Al-Harits, Az-Zubair, Hajl, Dhirar, Al-Muqawwam, Abu Lahab, Al-Abbas, Hamzah, Abu Talib, Abdullah.

Ibu – ibu saudara Nabi Muhammad : Umamah, Ummu Hakim, Barrah, Atikah, Shafiyah, Arwa.

Isteri – isteri

Khadijah binti Khuwailid, Saudah binti Zam'ah, 'Aisyah binti Abu Bakar, Hafsa binti Umar, Zainab binti Khuzaimah, Ummu Salamah binti Abi Umayyah, Zainab binti Jahsyi, Juwairiyah binti al-Harits, Ummu Habibah binti Abu Sufiyan, Shofiyah binti Huyai, Maimunah binti al-Harits

Anak – anak baginda

- Ath – Thayyib (anak bersama Khadijah)
- Ibrahim (anak bersama Mariyah al-Qibtiyyah)
- Ath- Thahir (anak bersama Khadijah)
- Al-Qasim (anak bersama Khadijah)
- Zainab (anak bersama Khadijah)
- Ruqayyah (anak bersama Khadijah)
- Ummu Kultsum (anak bersama Khadijah)
- Fatimah (anak bersama Khadijah)

Cucu – cucu baginda

- Al-Hasan (anak Fatimah)
- Al-Hussain (anak Fatimah)
- Ummu Kultsum (anak Fatimah)
- Zainab (anak Fatimah)
- Ali (anak Zainab)
- Umamah (anak Zainab)

Ibu susuan

- Suwaibah
- Halimah as-Sa'diyyah

Akhir kata, jom sama-sama kita tunjukkan rasa cinta kepada Nabi Muhammad SAW dengan seikhlas hati. Jika kita tidak berusaha mengenali Nabi Muhammad, bagaimana boleh menyemai rasa cinta yang mendalam? Peredaran masa menjadikan kita semakin terlalu jauh dengan Nabi Muhammad. Jarak masa ini bukanlah penghalang untuk umat Islam menjadikan Rasulullah sebagai idola di dalam menjalani kehidupan seharian.....

Rujukan

Ahmad Adnan Fadzil. (2014). *Asy-Syama'il al-Muhammadiyah Kenali Rasul Kita Muhammad SAW*. Shah Alam, Selangor: Telaga Biru Sdn. Bhd.

PESANAN NABI

Susunan Oleh: Hasminuddin Bin Hashim

Apabila Rasulullah sampai ke Madinah inilah doa yang dibaca:

"...Wahai Tuhanku! Masukkanlah daku ke dalam urusan agamaku dengan kemasukan yang benar lagi mulia, serta keluarkanlah daku daripadanya dengan cara keluar yang benar lagi mulia; dan berikanlah kepadaku dari sisiMu hujah keterangan serta kekuasaan yang menolongku",
(Surah Al-Isra': 80)

Nasihat Rasulullah ketika mula sampai di Madinah

Sabda Nabi maksudnya:
"Wahai manusia sebarkanlah salam, berikanlah makanan, sambungkanlah silaturrahim dan sembahyanglah kamu diwaktu malam ketika manusia sedang tidur nescaya kamu akan masuk syurga dengan selamat".

Doa ini boleh dibaca ketika kita sampai ke tempat yang dituju. Semoga kita beramal dengan apa yang ditinggal oleh Rasulullah dan menyampaikan sunnah ini kepada kaum kerabat, sahabat handai.

Rujukan

Dato' Dr Hussamuddin Hj Yaacob, *Al- Quran Al-Karim: Terjemahan dan Tajwid Berwarna Al-Haramain*, Karya Bestari Sdn. Bhd. Hadis sahih Tirmidzi

AKHLAK SEINDAH NAMA

Ainul Farhaan Binti Harun

Limau sebagai ujian

Ayuh, kita selusuri pula kisah baginda Nabi dalam mendepani sahabat dan lawan. Kita ambil iktibar bagaimana rasionalnya baginda dalam setiap tingkah serta tindakan. Mungkin kita biasa dengan kisah seorang wanita kafir dan limau pemberiannya kepada baginda nabi?. Limau yang dijadikan 'senjata' untuk menyimbah kemarahan Nabi Muhammad nyata tidak berjaya. Kisahnya berlaku tatkala baginda Nabi sedang bersama – sama para sahabat, datang seorang wanita megghulurkan limau untuk Rasulullah. Beliau menitipkan pesan agar Nabi terus merasa 'hadiah' pemberian beliau. Nabi lantas mengupas limau tersebut dan menikmatinya seorang diri hingga menimbulkan rasa hairan sahabat baginda. Terdetik di benak fikiran mereka, tidakkah baginda ingin mempelawa para sahabat untuk menjamah dan merasai keenakan limau tersebut. Baginda Nabi terus sahaja memakan limau tersebut tanpa mempelawa mereka. Setelah wanita kafir tersebut berlalu, Nabi menjelaskan bahawa limau pemberian beliau itu sangat masam. Namun, demi menjaga air muka wanita tersebut Nabi terus menikmatinya, baginda bimbang jika dihulurkan kepada sahabat, ada antara mereka yang akan mengerutkan muka reflek dari limau yang masam tersebut. Lihat, begitu indahnya akhlak baginda dalam meraikan pemberian orang lain. Begitu tertib dan teliti dalam menjaga hati dan perasaan sesama manusia. Wanita tersebut pula, gagal dengan agenda yang direncanakan untuk mendatangkan kemarahan Nabi dengan memberikan limau yang masam. Bagaimana kita dalam kehidupan seharian?. Bermanis muka atau melenting marah jika diuji dengan sesuatu yang tidak kita inginkan? Betapa indahnya nabi menjaga muamalah sesama manusia tanpa mengira agama, tetapi bagaimana pula kita menjaga silaturrahim sesama insan sekeliling? Jom kita sama-sama perbaiki diri seindah akhlak baginda.

Yang terpuji

Muhammad Bin Abdullah. Seindah nama dan akhlaknya, seorang insan mulia yang selayaknya menjadi hero sepanjang zaman seluruh umat Islam. Betapa banyak kisah dan teladan mengenai akhlak dan peribadi seindah Al-Quran yang dapat kita sematkan dijiwa dan dalam kehidupan sehari-harian. Baginda bukan sahaja sempurna sebagai pemimpin, malah juga suami, sahabat, pendidik dan juga datuk. Akhlak *mahmudah* baginda disenangi taulan malah dikagumi lawan.

Aisyah dan masakan sup

Rasulullah sangat romantik dan lemah – lembut dalam menyantuni ahli keluarga dan isteri – isteri baginda. Mungkin kita biasa disajikan dengan kisah di mana Nabi pulang dan bertanyakan sama ada Aisyah RA ada menyiapkan santapan. Apabila Aisyah menyatakan tiada, Rasulullah terus mengatakan bahawa beliau akan berpuasa, malah beliau tidak kekok untuk sama – sama menyinsing lengan membantu suri hatinya memasak. Bukankah itu romantik yang sebenarnya? Bantuan yang dihulurkan oleh suami kepada isteri adalah sesuatu yang berharga dan sangat menyenangkan hati. Pasti keletihan seharian menempuh cabaran dan kerja rumah seakan lenyap begitu sahaja. Bukan itu sahaja kisah 'sweet' Nabi Muhammad dalam melayani isteri baginda, malah suatu kisah di mana Aisyah memasak sup yang masin dan demi menjaga dan memberi teguran lembut kepada isteri baginda, Nabi Muhammad meminta Saidatina Aisyah RA saling bersuapan dengan baginda. Lantas Aisyah menyedari bahawa sup yang dimasaknya masin. Lihat, betapa halus cara nabi menegur, jauh sekali untuk melenting, kerana dalam kelembutan ada teguran yang baginda berikan. Kisah dan akhlak nabi sebagai suami adalah kisah biasa yang bukan biasa – biasa jika kita dapat amalkan dalam menyulami kebahagiaan dan kerukunan rumahtangga.

Gurauan seorang datuk

Gurauan dan jenaka dalam kehidupan insan bernama Muhammad ini sangat menyenangkan insan di sekelilingnya. Baginda sangat penyayang dalam melayani ahli keluarga. Bahkan baginda Rasulullah Shallallahu'alaihi Wasallam pernah bersabda, "*Sebaik-baik kalian adalah orang yang paling baik (dalam bergaul) dengan keluarganya dan aku adalah orang yang paling baik (dalam bergaul) dengan keluargaku*". Di dalam kesibukan menyampaikan dakwah dan mentadbir negara, baginda sering sahaja ada masa untuk melayani cucu-cucu kesayangannya. Pernah ketika baginda sedang sujud dalam solat, cucu baginda duduk di atas belakang, dan dengan sabar baginda memberi masa untuk cucunya puas bermain di atas belakang baginda. Ada juga kisah di mana sahabat melihat Rasulullah asyik melayan gurau senda bersama si Hasan dan Husin bermain kuda-kuda. Lihatlah, kisah tersebut memberi kita pengajaran bahawa sesibuk mana pun kerja dan bebanan harian, keluarga adalah lebih utama. Anak-anak perlu kepada gurauan dan interaksi positif demi perkembangan minda dan tingkahlaku mereka. Cuba kita bermuhasabah diri, apakah layanan dan tutur kata yang kita lontarkan untuk anak-anak kecil positif dan menggembirakan mereka? Bukankah nabi junjungan kita sangat kasih dan sayang kepada kanak-kanak? Masih belum terlambat untuk kita kutip sirah dan peribadi insan mulia ini lantas kita amalkan dalam diri masing-masing.

Muhammad adalah pemimpin umat manusia unggul dan amanah. Pengaruh ajaran baginda masih kukuh, teguh dan utuh walaupun telah wafat sejak 13 abad yang lalu...

Michael H Hart, Senarai 100 Tokoh Paling Berpengaruh Dalam Sejarah

Hebat melayan sahabat

Muhammad itu orangnya 'ummi', namun pengajaran yang baginda berikan kepada kita menjangkau apa sekalipun taraf pendidikan tertinggi yang ada masa kini. Baginda telah terlebih dahulu mengamalkan teknik komunikasi dua hala yang berkesan. Dikisahkan bahawa nabi Muhammad akan mengarahkan wajah kepada sahabat tatkala bertutur dengan mereka. Cuba kita bayangkan satu sosok mulia dan terpuji sangat menghormati sahabatnya. Ia mendatangkan rasa hormat dan disayangi kepada para sahabat. Selari dengan sabda baginda iaitu "*Orang beriman (bergaul) bersama dengan manusia dan mereka berasa tenang bersamanya. Tidak ada satu kebaikan pada orang yang tidak (bergaul) bersama manusia dan dengannya mereka tidak merasa tenang*". Adakah peribadi dalam berinteraksi dengan para sahabat kita jadikan panduan, atau kita leka pada 'smartphone' sambil jari-jemari ligat menekan dan menaip 'whatsapp' malah mengemaskini status facebook?. Jika itu yang pernah kita lakukan, maka mari kita cuba perbaiki diri dan cuba untuk mengamalkan teknik komunikasi berkesan cara dan acuan Nabi Muhammad.

Kata –kata menenangkan

Kehebatan baginda dalam mendidik tidak dapat disangkal lagi. Di dalam kelembutan ada ketegasannya. Ayat yang baginda tuturkan sangat padat dan ringkas. Sangat mudah untuk difahami. Kata – kata yang lahir dari mulut baginda lemah- lembut, baginda gemar menjawab segala persoalan dengan kata nasihat yang berguna. Ya, baginda adalah *rahmatan lil-alamin*, sehingga orang yang mendengar bait ayat yang baginda tuturkan merasa sangat senang dan tenang. Namun, baginda amat tegas jika berkaitan dengan agama dan juga hak Allah. Jadi, di dalam lembut ada tegasnya. Baginda boleh membezakan dengan jelas segala situasi dan keadaan. Mungkin antara kita perlu mengakui bahawa telinga ini lebih senang mendengar kata-kata yang baik dan positif berbanding yang kasar dan menyakitkan. Kita semua pendidik, ya berkerjaya sebagai pendidik malah juga pendidik kepada keluarga, anak – anak dan orang sekeliling bukan?. Apa kata sama-sama kita biasakan bertutur perkara yang baik, berhikmah dan menyebarkan kasih sayang sepertimana junjungan mulia kita.



Mr. Perfect

"*Rasulullah dalam mengenangmu, kami susuri lembaran sirahmu, pahit getir perjuanganmu, membawa cahaya kebenaran..*". Bait lirik ini cukup menjentik hati untuk terus menyelak helaian sirah dan peribadi insan yang sangat sempurna sebagai anak, suami, datuk, sahabat dan juga lawan. Sudah tiba masanya untuk kita muhasabah diri, kenalkah kita pada figura bernama Muhammad Bin Abdullah ini?. Atau lebih 'dekat' di hati kita dengan selebriti tempatan mahupun antarabangsa? Pernahkah kita cuba untuk mengamalkan sikap mulia yang baginda tuturkan dan laksanakan?. Baginda contoh pemimpin yang '*walk the talk*', jauh sekali sekadar menaburkan janji palsu untuk menyedapkan telinga yang mendengar. Maka, tidak hairanlah jika Michael Hart dalam buku karya beliau yang bertajuk "*The 100: A Ranking of The Most Influential Persons*" meletakkan baginda nabi di tangga teratas insan paling berpengaruh. Menurut Michael, insan bernama Muhammad itu, pengaruhnya kekal hingga 1300 tahun lebih malah terus diingati hingga kini. Kesan dan pengaruh baginda menjangkau zaman, tidak pernah luput dari ingatan. Jika kita sentiasa digula – gulakan dengan watak hero di kaca televisyen mengenai lelaki sempurna, hingga lalai dan terleka. Ironinya, ciri tersebut kian pudar untuk ditemui, namun ingatlah idola sepanjang zaman iaitu Muhammad SAW adalah *Mr. Perfect* untuk seluruh umat Islam.

Rujukan

HR at-Tirmidzi (no. 3895) dan Ibnu Hibban (no. 4177), dinyatakan shahih oleh Imam at-Tirmidzi, Ibnu Hibban dan Syaikh al-Albani.

Michael H.Hart, (2004). *Senarai 100 tokoh paling berpengaruh dalam sejarah*:Golden Book Centre Sdn.Bhd



KAWAN ANTARA MAKANAN, UBAT ATAU PENYAKIT

Razak Bin Nordin

Kehidupan manusia

Lazimnya, semua manusia menghabiskan sebahagian besar hidupnya di beberapa tempat. Sebahagiannya di rumah kediaman bersama kaum keluarga serta saudara mara. Malah sebahagian lagi dihabiskan di tempat kerja. Ini bukan bermaksud untuk menafikan bahawa manusia selalu juga menghabiskan sebahagian hidupnya di tempat-tempat lain seperti bermain, membeli belah, bercuti dan sebagainya, dan tempat kerja pula usah disempitkan ruang lingkungannya.

Rakan, kawan, sahabat & taulan, teman

Apabila saya memilih menggunakan perkataan lazimnya, apa yang saya cuba maksudkan ialah apa yang selalunya terjadi dalam kehidupan manusia.

Dan apabila kita berada di luar rumah, sebahagian yang kita temui adalah kawan-kawan yang dipanggil dengan pelbagai gelaran.

Ada yang panggil kawan. Ada yang gelarnya sahabat. Ada yang namakannya rakan. Ada yang panggil taulan. Ada yang panggil karib. Ada yang panggil teman. Termanya juga mungkin bergantung kepada sedekat dan sejauh mana hubungan seseorang dengan seseorang.

Tentang kawan

Suka saya berkongsi pesan di bawah, yang disedut dari E Book HATI..Mengenali hati, cara menjaganya dan merawatnya oleh Ustaz Ahmad Adnan bin Fadzil. Mudah-mudahan ada kebaikan darinya.

Kawan juga mempunyai pengaruh terhadap hati kita. Jika kita berkawan dengan orang yang bersih hatinya, hati kita juga Insya-Allah akan turut bersih. Jika kita berkawan dengan orang-orang yang hatinya kotor, akhirnya hati kita juga akan turut menjadi kotor. Kerana itu Nabi SAW berpesan; *"Seseorang itu berada di atas agama temannya. Maka hendaklah setiap orang dari kamu memerhati dengan siapa ia berteman"* (Riwayat Imam Abu Daud dan at-Tirmizi dari Abu Hurairah RA).

Ulama' dan kategori kawan

Ulama' membahagikan kategori kawan seperti berikut :

1. Kawan yang diibaratkan seperti makanan
2. Kawan yang diibaratkan seperti ubat
3. Kawan yang diibaratkan seperti penyakit

Kawan umpama makanan

Kita perlu selalu bergaul dan bersamanya sama seperti kita perlu mengambil makanan setiap hari untuk kesihatan tubuh badan. Kawan seumpama ini ialah dari kalangan orang-orang berilmu, bertakwa dan soleh. Semakin banyak kita berkawan dengan orang-orang berilmu, bertakwa dan soleh, maka baik untuk hati kita.

Kawan ibarat ubat

Kita bergaul dengannya ketika perlu sahaja sama seperti kita mengambil ubat ketika kita sakit sahaja. Kawan jenis ini ialah dari kalangan orang-orang yang kita memerlukan mereka untuk urusan duniawi sahaja iaitu urusan kehidupan seperti jual beli, perniagaan dan sebagainya. Kita tidak perlu terlalu rapat dan terlalu kerap bergaul dengan mereka kerana ia tidak memberi manfaat kepada kebaikan agama dan hati kita. Cukup kita bergaul dengan mereka dengan kadar yang dapat menyempurnakan urusan kita sahaja. Kecualilah jika mereka tergolong dalam kelompok orang berilmu dan soleh seperti di atas, maka haruslah kita bergaul rapat dengan mereka kerana di samping memenuhi tuntutan duniawi, dapat juga kita mengambil manfaat dari keilmuan dan kesolehan mereka.

Kawan seperti penyakit

Kawan sebegini kita perlu menjauhi mereka sejauh-jauhnya sama seperti kita menjauhi penyakit kerana takut menjangkiti kita. Kawan jenis ini dari kalangan orang-orang fasik, kaki maksiat dan ahli bid'ah. Orang-orang dari jenis ini sekali-kali jangan kita berkawan dengan mereka kerana nanti sikap dan perilaku mereka akan merosakkan hati dan sifat kita.

Rujukan

Ahmad Adnan Fadzil. *Hati..Mengenali hati, cara menjaga dan merawatnya*: Wawasan Ummah Enterprise
Riwayat Imam Abu Daud dan at-Tirmizi dari Abu Hurairah RA.

GALERI

A L B U M

Program Ihya' Ramadhan



Program Khatam Al-Quran Perdana



Sesi penyerahan sumbangan semasa Program Sekampit Beras Selaut Kasih



Sesi penyerahan sumbangan infaq Ramadhan oleh Dr. Mohd Zahari Ismail



Gambar Kenangan Pensyarah JPA Ramadhan 2018



Bengkel Celik Al-Quran Anak-anak Staf PTSS



Sambutan menggalakkan sempena Bengkel Celik Al-Quran.



Program Palestin Dihatiku



Program Palestin Di Hatiku kolaborasi bersama Aman Palestin



Antara ahli jawatankuasa yang turut hadir pada program Palestin Di Hatiku



Sambutan yang menggalakkan dari para pelajar semasa program tersebut



FaQeH 2018



Festival Quran Di Hatiku 2018 (FaQeH)



Peserta FaQeH bersama pensyarah pengiring



Gambar kenangan para peserta



I-COMFEST 2018



Islamic Communication Festival (I-COMFEST)



Jualan amal turut dilaksanakan semasa I-COMFEST



Pertandingan nasyid mendapat perhatian semasa I-COMFEST



Projek Pengurusan Seni Perhotelan Sains Teknologi & Kejuruteraan Dalam Islam



Pembentangan projek pelajar



Sesi Penyampaian Hadiah

Hari Pengajian Malaysia



Antara aktiviti yang dijalankan : Kuiz Pengajian Malaysia, Larian Ekspresi Negeraku, Jualan Amal dan Dekorasi Kek



Pertandingan Dekorasi Kek Bertemakan Negeraku, Malaysia



Gerai jualan amal

Ziarah Harmoni



Sebahagian pelajar non-muslim semester 2 yang terlibat



Aktiviti di Masjid Alwi, Kangar



Gambar kenangan peserta program




CSR MPIK, KODIANG



Aktiviti – aktiviti yang dijalankan sepanjang Program Tautan Mahabbah dan CSR Kami Prihatin di Maktab Pengajian Islam Kedah, Kodiang


Gambar sepanjang Program Tautan Mahabbah dan CSR Kami Prihatin di Maktab Pengajian Islam Kedah, Kodiang



Kerja – kerja menceriakan kawasan MPIK dilaksanakan oleh para peserta program

UJI MINDAANDA

Oleh: Zuraiha Binti Mohd Zain



Melintang

- 3 Sujud ketika mendapatkan nikmat atau terhindar dari bencana.
- 4 Negara asal Salman Al-Farisi
- 6 Seruan, ajakan atau panggilan bagi mengajak seseorang dalam melakukan sesuatu kebaikan
- 8 Pengarang buku "Senarai 100 tokoh paling berpengaruh dalam sejarah"
- 10 Di antara gelaran Nabi Muhammad SAW
- 11 Ciri-ciri seorang pejuang Islam
- 12 Kategori kawan yang dibahagikan oleh ulamak

Ke bawah

1. Segala sesuatu yang diriwayatkan dari Nabi Muhammad SAW sama ada perkataan, perbuatan & pengakuan
2. Salah satu pendekatan dakwah Nabi Muhammad SAW
5. Isteri baginda Nabi Muhammad SAW
7. Piagam Madinah dibuat oleh Nabi Muhammad dalam tahun hijrah yang ke berapa?
9. Nama sebenar Salman Al-Farisi

1. SUNNAH 2. MESYUARAT 3. SYUKUR 4. ISFAHAN
5. KHADIJAH 6. DAKWAH 7. PERTAMA 8. MICHAEL H HART
9. MABAH 10. AHMAD 11. IKHLAS 12. UBAT

BULETIN AL - IRSYAD



Sidang Redaksi

Penaung

Encik Abdul Malek Bin Hassan

Penasihat

Puan Azlida Binti Ahmad

Penasihat II

Puan Zuraiha Binti Mohd Zain

Editor

Norhafizah Binti Mohd Ghazali

Sub Editor / Pruf

Ainul Farhaan Binti Harun

Konsep dan Layout Buletin

Ainul Farhaan Binti Harun

Penulis Artikel

Jamilah Binti Ismail

Zuraiha Binti Mohd Zain

Razak Bin Nordin

Roshadah Binti Abu Bakar

Hasminuddin Bin Hashim

Azirah Binti Seman

Ainul Farhaan Binti Harun



BULETIN AL-IRSYAD

© Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, 2018

Hak Cipta Terpelihara. Tiada mana – mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin dari penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan- dalam -Penerbitan

Diterbitkan Oleh :

Unit Pendidikan Islam dan Moral
Jabatan Pengajian Am,
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
Pauh Putra,
02600 Arau,
Perlis.